



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

31 JANUARI 2022 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL-EGHANG PENGOLJNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

31 JANUARI 2022 (ISNIN)

Kerajaan kaji kaedah pembelian minyak masak paket agar hanya dinikmati golongan sasaran

Subsidi melalui e-wallet

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
masarahrahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Penyaluran subsidi melalui e-wallet merupakan antara mekanisme yang dipertimbangkan oleh kerajaan bagi mengatasi isu penyelewengan dan penyeludupan minyak ma-

sak paket serta memastikan ia sampai kepada golongan sasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, cadangan itu bagaimanapun memerlukan penyelidikan terperinci dan sinergi antara kementerian berkaitan

seperti Kementerian Kewangan kerana ia melibatkan peruntukan sejumlah dana bagi tujuan itu.

Katanya, kementerian beliau baru-baru ini telah mengadakan pemukiman di Pulau Pinang bersama dengan agensi-agensi berkaitan untuk

membincangkan hala tuju tahun 2022.

Salah satu agenda perbincangan katanya ialah mempertimbangkan pelaksanaan e-wallet ini bagi pembelian minyak masak.

"Pihak kementerian sentiasa mencari idea untuk menambah

baik bagaimana untuk membantu golongan sasaran bagi membolehkan mereka dapat membeli harga murah selain sistem sedia ada," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Bersambung di muka 2



KERAJAAN bercadang perkenal beri subsidi pembelian minyak masak peketa dilakukan melalui e-wallet, bagi mengelakkan penyelewengan.

Subsidi melalui e-wallet

Dari muka 1

Jumaat lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan pandangan Pengarah Urusan Mydin Holdings, Datuk Ameer Ali Mydin yang berkata, kerajaan tidak harus takut untuk menghapuskannya subsidi minyak peketa sebaliknya mencari alternatif bagi membantu kumpulan B40 yang tidak lagi boleh menikmati bantuan tersebut.

Ini kerana pemberian subsidi minyak peketa tersebut bukan sahaja 'dinikmati' oleh peniaga tempatan dan peniaga warga asing tetapi juga orang kaya sehingga berlaku masalah kekurangan stok bekalan keperluan itu di beberapa tempat

di negeri-negeri tertentu.

Bagaimanapun, Alexander berkata, cadangan pemansuhan subsidi boleh menjejaskan golongan B40.

Mengulas lanjut, Alexander berkata, kaedah e-wallet atau kad subsidi yang sedang dipertimbangkan itu mungkin diperluaskan untuk pembelian barangan keperluan lain yang akan diteliti secara menyeluruh meliputi kebaikan dan kelemahan agar pelaksanaannya nanti tidak menimbulkan masalah lain.

Sebagai contoh, katanya, jika kaedah berkenaan digunakan sebagaimana pernah dicadangkan kerajaan terdahulu, harga minyak masak berpeketa tidak lagi diberikan subsidi dan

mereka perlu membeli pada harga asal yang jauh lebih mahal.

"Bayangkan kalau ada kad yang juga dibenarkan untuk beli keperluan lain, lepas itu dia nak beli minyak, harga tidak ada subsidi lagi sebab sudah tukar sistem subsidi sedia ada. Harga akan jadi mahal, kemudian mereka akan mengeluh dan marah kerajaan juga.

"Atau kita bagi satu kad untuk setiap item, mungkin terlalu banyak kad pula, petrol satu kad, tepung satu kad, gula satu kad, minyak satu kad, payah juga begitu. Sebab itu sistem pada masa ini masih baik digunakan, cuma kita perketatkan penguatkuasaan," katanya.



AZMAN (kanan) melakukan pemeriksaan dan pemantauan khas ketika operasi SKHMP Tahun Baharu Cina 2022 di Pasar Awam Wakaf Tapai di Marang semalam. – PUQTRA HAIRRY

KPDNHEP arah syarikat pengeluar atasi stok kurang

Segerakkan agihan minyak masak subsidi

Oleh **MOHD. AZLI ADLAN** dan **SAFINA RAMLI**

MARANG – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengarahkan syarikat pengeluar agar menyegerakan pengagihan minyak masak peket di pasaran.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, ia bertujuan mengatasi isu kekurangan minyak masak peket bersubsidi yang berlaku di sebahagian tempat pada masa ini.

"Syarikat pengeluar yang menyertai Skim Penstabilan Minyak Masak telah diarahkan melakukan segera pembungkusan dan pengagihan minyak masak di pasaran.

"Bekalan minyak masak peket

bersubsidi sebenarnya mencukupi kerana kerajaan masih mengekalkan kuota 60,000 tan metrik setiap bulan," katanya.

Terdahulu, beliau melakukan pemeriksaan sempena Skim Kawalan Harga Maksimum Musim Perayaan (SKHMP) Tahun Baharu Cina di Pasar Awam Wakaf Tapai, di sini semalam.

Kosmo! 22 Januari lalu melaporkan masalah kekurangan minyak masak peket kembali berulang di Kuala Nerus dan Kuala Terengganu.

Dalam perkembangan sama, beliau memberi amaran kepada pemborong dan peruncit yang mengenakan syarat tambahan kepada pengguna bagi setiap pembelian minyak masak peket.

"Mengenakan syarat kepada

pengguna perlu membeli barangan lain jika mahu minyak masak peket ini satu kesalahan.

"Kita telah ambil tindakan penguatkuasaan kesalahan itu di Kelantan baru-baru ini," katanya.

Sementara itu, di **George Town**, Pengarah PPDNHEP Pulau Pinang, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar berkata, jumlah pengeluaran minyak masak peket itu juga adalah sekali ganda daripada jumlah penduduk Pulau Pinang yang kira-kira lebih 1 juta orang.

"Bekalan sebanyak 3.3 juta kilogram minyak masak peket dikeluarkan dalam tempoh sebulan.

"Di Pulau Pinang terdapat kira-kira 24 pembungkus minyak masak bersubsidi untuk diedarkan kepada pemborong serta peruncit di negeri ini," katanya.

Marang

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengarahkan semua syarikat di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) dan pembekal supaya menyejajarkan pembungkusan dan agihan minyak masak bagi mengelakkan kekurangan bekalan di pasaran.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Azman Adam berkata, isu kekurangan bekalan tidak sepatutnya berlaku kerana kerajaan sudah meluluskan pengeluaran sebanyak 60,000 tan metrik minyak masak bersubsidi setiap bulan bagi meringankan beban pengguna daripada golongan kurang berkemampuan.

"Namun disebabkan beberapa faktor seperti pembelian panik oleh pengguna, berlaku sedikit gangguan bekalan di pasaran dan diburukkan lagi dengan berita-berita tidak sahih mengenai kenaikan harga barangan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menjalankan pe-

Elak kekurangan bekalan

Syarikat di bawah COSS, pembekal diarah segerakan agihan minyak masak



Namun, disebabkan beberapa faktor seperti pembelian panik oleh pengguna, berlaku sedikit gangguan bekalan di pasaran"

Azman Adam

mantauan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina di Pasar Awam Wakaf Tapai, di sini, semalam.

Menurut Azman, selain pembelian panik, pembukaan sektor ekonomi secara penuh dalam tempoh cuti perayaan turut menyumbang kepada kekurangan bekalan di pasaran.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan golongan peniaga supaya tidak me-

ngenakan syarat tertentu bagi pembelian minyak masak paket bersubsidi kerana ia menyalahi undang-undang.

Katanya, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai tindakan itu diminta menyerahkan aduan secara rasmi berserta informasi leng-

kap kepada KPDNHEP agar tindakan tegas dapat diambil terhadap peniaga yang tidak bertanggungjawab.

"Ada kedai yang meletakkan syarat pelanggan perlu membeli barangan lain sebelum boleh mendapatkan minyak masak. Ini kami dah ambil beberapa tindakan berdasarkan aduan pengguna," katanya.

Dalam perkembangan lain, Azman memaklumkan pihaknya sudah menja-

lankan pemeriksaan harga dan bekalan di 80,465 premis seluruh negara bermula 1 hingga 28 Januari lalu.

Menurutnya, daripada jumlah itu, sebanyak 19 peratus atau 12,834 premis terletak di kawasan luar bandar.

"Pemeriksaan bagi memastikan pengguna di kawasan luar bandar turut menikmati bekalan keperluan

dasar seperti gula, tepung gandum dan minyak masak pada kadar harga yang sama dengan penduduk di bandar.

"Jarak perjalanan jauh, keadaan geografi atau kemudahan akses ke sesuatu tempat tidak seharusnya dijadikan alasan untuk peniaga menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya kerana ia adalah sebahagian daripada rutin sistem rantaian pembekalan," katanya.



Bekalan minyak masak paket bersubsidi di Pulau Pinang kembali pulih

Georgetown: Bekalan minyak masak paket bersubsidi di Pulau Pinang kembali pulih dan mencukupi berikutan tindakan tegas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri itu menjalankan operasi berterusan bagi membanteras penyelewengan minyak berkeenaan.

Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, pihaknya menjalankan pemeriksaan berterusan dengan 4,011 premis perniagaan diperiksa sepanjang bulan ini bagi memastikan tiada lagi masalah bekalan minyak masak paket bersubsidi di negeri ini dan pengguna mendapat bahan itu dengan mudah.

"Ketika ini pengeluaran minyak masak paket bersubsidi di Pulau Pinang ialah 3.3 juta kilogram (kg) sebulan dan jumlah itu juga sekali ganda daripada jumlah penduduk

Pulau Pinang kira-kira lebih 1 juta orang.

"Setakat ini bekalan minyak untuk kegunaan rakyat negeri ini mencukupi malah aduan yang diterima mengenai kekurangan bekalan minyak masak paket di negeri ini juga berkurangan, boleh dikatakan hampir tiada

(aduan) berbanding sebelum ini," katanya kepada pemberita selepas tinjauan di Pasar Awam Tanjung Bungah di sini, semalam.

Tinjauan itu dijalankan bersama Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan Pulau Pinang Datuk Abdul Halim Hussain sempena pemeriksaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina.

Sebelum ini, bekalan minyak masak paket bersubsidi dilaporkan sukar diperoleh di beberapa negeri sehingga menyukarkan pengguna dan peniaga kecil.

**“
Boleh dikatakan
hampir tiada
(aduan)
berbanding
sebelum ini
Mohd Ridzuan**

Segera bungkus, agih minyak peket

MARANG - Syarikat pembekal minyak masak bersubsidi (peket) di bawah Skim Penstabilan Harga Minyak Masak Bersubsidi (COSS) digesa menyegerakan kerja-kerja pembungkusan dan agihan minyak bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan di pasaran.

Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adani berkata, isu kekurangan bekalan makanan itu tidak sepatutnya berlaku kerana kuota pengeluaran minyak masih sama.

Katanya, sehingga kini pengeluaran minyak subsidi masih kekal sebanyak 60,000 tan metrik setiap bulan.

Kita telah arahkan semua peserta program COSS supaya segerakan aktiviti pembungkusan dan agihan minyak masak peket kepada rantaian perniagaan mengikut kuota supaya kita dapat wujudkan lambakan di pasaran.

Sepatutnya isu kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi tidak



AZMAN

timbul kerana jumlah pengeluarannya masih sama, selain turut ditampung dengan subsidi kerajaan bagi minyak botol," katanya selepas meninjau Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina di Pasar Awam Wakaf Tapai, di sini, pada Ahad.

Hadir sama, Pengarah KPDNHEP Terengganu, Shaharudin Mohd Kia.

Tambah beliau, pembelian panik, pembukaan ekonomi secara menyeluruh dan harga minyak botol pada tahap maksimum di pasaran menyumbang kepada peningkatan permintaan minyak peket.

"Mereka yang mengenakan pembelian bersyarat misalnya perlu membeli barangan lain untuk mendapatkan minyak masak telah melakukan kesalahan yang berdepan tindakan undang-undang.

"Jadi, saya minta kepada mana-mana yang dikenakan syarat tersebut untuk tampil melaporkan kepada KPDNHEP," katanya.

Aktifkan sektor peruncitan negara

Program Jualan Malaysia 2022 galakkan orang ramai berbelanja

Oleh IZWAN ROZLIN

KUALA LUMPUR

Program Jualan Malaysia (PJM) 2022 mampu memulihkan ekonomi negara melalui penglibatan 300,000 premis jualan murah di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, PJM adalah usaha berterusan kerajaan menyokong pemulihan ekonomi khususnya sektor peruncitan di dalam negara.

Selain itu, katanya, ia mengembalikan keyakinan Keluarga Malaysia sebagai pengguna untuk berbelanja sekali gus meningkatkan perdagangan domestik.

"Kerajaan telah menyasarkan sasaran nilai jualan sekurang-kurangnya RM500 bilion melalui jualan murah

berkenaan yang akan bermula dari Januari hingga Disember tahun ini," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi ketika melancarkan Program Jualan Malaysia (PJM) 2022 di Pavilion, Kuala Lumpur pada Sabtu.

Ismail berkata, selari dengan matlamat tersebut, KPDNHEP telah merancang PJM 2022 berdasarkan tiga teras utama dinamakan 3R iaitu *recovery* (pemulihan), *revitalisme* (merancang) dan *revive* (**menghidup** semula) untuk mengembalikan semula keyakinan pengguna dan peniaga.

"Untuk PJM 2022 ini kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta khusus untuk promosi dan kempen," katanya.

Jelas beliau, PJM meliputi segmen jualan mega, jualan akhir tahun dan segmen jualan khusus dengan lapan program utama dirancang dan diselenggarakan oleh KPDNHEP bersama pemain industri peruncitan.



FOTO: ROSLI TALIB

Nanta (dua dari kanan) melancarkan PJM 2022 yang diadakan di Pavilion, Kuala Lumpur pada Sabtu.

"Selain itu, PJM dapat meluaskan sektor perkhidmatan negara di samping meluaskan semula peluang pekerjaan kepada lebih dua juta orang pekerja dalam sektor ini dan sektor berkaitan dengannya," katanya.

Sementara itu, Nanta pada sidang mediannya berkata, jualan sempena perayaan turut dirancang bagi membolehkan pengguna berbelanja dengan harga yang murah.

"Diskaun harga-barangan yang diberikan oleh premis terlibat melebihi 20 peratus dan ke atas, ia bergantung pada kemampuan premis itu, sebab itu kita wujudkan pelekat khas untuk premis yang mengambil bahagian dalam PJM 2022," katanya.

Beliau berkata, ia merupakan inisiatif kerajaan bukan sahaja menggalakkan pengguna berbelanja, malah berpeluang untuk berjimat sepanjang tahun.

Laksana skim kawalan harga barang sepanjang tahun

Oleh **SURAIDAH ROSLAN** dan
COWEN LINC
utusannews@mediamula.com.my

KOTA KINABALU: Kerajaan disaran melaksanakan skim kawalan harga sepanjang tahun yang dilihat mampu mengawal harga barangan daripada dieksploitasi khususnya ketika musim perayaan.

Timbalan Pengerusi Pertubuhan Hal Ehwal dan Pelindung Pengguna Sabah (CAPS), Datuk A. Nagaraju berkata, untuk itu kerajaan perlu bertegas dengan memantau harga di peringkat pengeluaran dan juga pengilang.

Katanya, jika harga dikawal dari peringkat pertama, peniaga dan pengguna tidak akan mengalami kerugian selain kerajaan menetapkan harga siling barang keperluan harian.

"Kita tidak berpuas hati cara kerajaan menangani kenaikan harga barangan ketika ini. Kaedah yang digunakan tidak berkesan. Cari pendekatan baharu iaitu menetapkan harga siling bagi barang keperluan dan ia perlu dilaksanakan sepanjang tahun," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau berkata, contohnya, harga telur di Sabah kini men-



KERAJAAN digesa melaksanakan skim kawalan harga sepanjang tahun dan bukannya ketika musim perayaan. - **UTUSAN/PUQTRA HAIRRY**

cecah RM11.70 sen bagi gred C dan apabila aduan dilaporkan, ia dikatakan bukan barangan terkawal kerana kenaikan itu

berlaku di luar musim perayaan. Sementara itu Pesiden Persatuan Suara Konsumer Sarawak (Covas), Michael Tiong berkata,

kerajaan dan sektor swasta perlu berbincang bagi mendapatkan mekanisme kawalan harga yang sesuai.

KPDNHEP Negeri Sembilan turut dikenakan denda sebanyak RM1.35 juta

Premis degil dikompaun RM219,000

Oleh AFIFI HAFIZ MOHD. NOR

PÖRT DICKSON – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan mengeluarkan kompaun sebanyak RM219,000 daripada 532 kes yang diambil tindakan penguatkuasaan sepanjang tahun lalu.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S. Veerapan, daripada jumlah itu KPDNHEP turut mengenakan denda sebanyak RM1,355,000.

Katanya, sepanjang tahun lalu juga sebanyak 40,760 premis telah diperiksa pihak KPDNHEP.

"Antara kes yang dicatatkan adalah berkaitan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2021 sebanyak 246, Akta Timbang dan Sukat 1972 (115), Akta Perihal Dagangan 2011 (31), Akta Perlindungan Pengguna 1999 (29).

"Akta Kawalan Bekalan 1961 (23), Akta Cap Dagangan 2019 (17) dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (53)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan



VEERAPAN meninjau harga barangan keperluan yang dijual di sebuah pasar raya di Negeri Sembilan semalam.

(SHMMP) Tahun Baharu Cina 2022 peringkat Negeri Sembilan di Pasar Raya TF di sini semalam.

Tambahnya, KPDNHEP Negeri

Sembilan telah menerima sebanyak 981 aduan sepanjang tahun lalu.

"Lima kategori aduan yang

mencatatkan jumlah tertinggi melibatkan transaksi dalam talian sebanyak 435 kes, barga (167 kes), perkhidmatan menge-



Sepanjang tahun lalu juga sebanyak 40,760 premis telah diperiksa pihak KPDNHEP."

VEERAPAN

lirukan (162 kes), bengkel kenderaan bermotor (51 kes) dan iklan mengeirukan (28 kes)," tambahnya.

Sementara itu, kata beliau, Kementerian telah melaksanakan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) bermula 1 Januari lalu dan sedang berkuat kuasa sehingga 4 Februari depan.

"Sebanyak 12 jenis barangan yang telah ditentukan harga maksimum tersenarai di bawah skim ini seperti ayam, telur ayam dan sayur-sayuran.

"Sebagai langkah menstabilkan harga barangan dan memastikan keberadaan bekalan di pasaran semasa musim perayaan Tahun Baharu Cina 2022, KPDNHEP melaksanakan SHMMP Tahun Baharu Cina 2022 bermula semalam hingga 4 Februari 2022," jelasnya.

'Belum pernah putus bekalan telur'

Oleh NOR AINNA HAMZAH

REMBAU – Penjual serta pembekal telur harga murah di daerah ini yang dikenali sebagai Zol Tolo menyatakan dia tidak pernah berhadapan dengan masalah terputus bekalan telur sejak menjalankan perniagaan lebih 20 tahun lalu.

Zol Tolo atau nama sebenarnya Zulkifli Bidin, 52, berkata, dia mendapatkan bekalan telur gred A, C dan E berkenaan daripada beberapa pemilik ladang bagi memastikan dia masih mampu menawarkan harga murah serta menunaikan niatnya yang berniaga sambil beramal sejak dari awal lagi.

Menurutnya, dia hanya menjual telur biasa pada harga RM7 sepapan, manakala telur omega pula dijual RM8 sepapan.

"Tak banyak pun untung yang saya dapat dalam satu papan, namun saya mempunyai ramai pembeli terdiri daripada pemilik kedai makan serta runcit di sekitar negeri ini, Kuala Lumpur, Selangor, Melaka dan Pahang.

"Saya tidak bimbang menjual



ZOL TOLO menunjukkan telur omega yang dijual pada harga serendah RM8 sepapan ketika ditemui di Chengkau, Rembau baru-baru ini.

dengan harga murah dan untung kecil asalkan saya masih mempunyai pekerjaan untuk diusahakan di kampung serta menyara keluarga saya," katanya ketika ditemui di kedainya di Tanah Datar, Chengkau, di sini baru-baru ini.

Zol Tolo berkata, tiga pekerjanya akan menghantar tempahan setiap hari dan usahanya itu secara tidak langsung membantu

peniaga lain untuk mengurangkan beban kos harga barang yang semakin meningkat.

Malah katanya, dia turut menerima pelanggan yang hanya mahu membeli dalam jumlah kecil walaupun sepapan sahaja.

"Saya mahu kongsi rezeki ini dan berharap agar semua pihak mendapat manfaat daripada telur harga murah ini," katanya.



Bekalan telur cukup di NS

Premis runcit mendapat bekalan tiga kali seminggu

Oleh NORAFIDAH ASSAN

PORT DICKSON

Kementerian Perdagangan Dalam - Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan memberi jaminan bekalan telur ayam pelbagai gred mencukupi dan mudah diperolehi untuk pengguna di negeri ini.

Exco Kesihatan, Kepenggunaan dan Alam Sekitar Negeri Sembilan, S Veerapan berkata, ia berdasarkan pemeriksaan oleh penguat kuasa KPDNHEP negeri selama dua hari bermula Jumaat lepas terhadap 29 premis yang meliputi pasar raya besar, pasar raya, pasar mini, kedai runcit dan pembekal telur di pasar-



Veerapan (dua kiri) ketika meninjau harga barangan di sebuah pasar raya di Port Dickson pada Ahad.

pasar awam.

“Kekerapan premis runcit mendapat bekalan telur ayam daripada pembekal Negeri Sembilan dan Melaka adalah sekitar dua hingga tiga kali seminggu.

“Jumlah bekalan yang diterima pula bergantung kepada tempahan yang dilakukan oleh pihak premis tersebut,” katanya

ketika sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina Peringkat Negeri Sembilan di sini pada Ahad.

Ujar beliau, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang aduan berhubung gangguan bekalan telur ayam daripada pengguna.

“Penguat kuasa KPDNHEP sentiasa memantau kedudukan bekalan telur ayam di 151 District-Dedicated Retailers (DDR) dan 33 District-Dedicated Wholesalers (DDW) di seluruh negeri,” katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai harga ayam, beliau berkata, berdasarkan pemantauan di 31 premis di negeri ini selama 10 hari bermula 18 Januari sehingga Jumaat lepas, 30 daripadanya masih menjual ayam standard (satu kilogram) mengikut harga maksimum yang telah ditetapkan di bawah Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

“Secara purata kebanyakan premis menjual harga ayam standard pada harga minimum RM7.80 sekilogram dan paling tinggi RM7.90 sekilogram berbanding harga maksimum ayam standard iaitu RM9.10 sekilogram.

“Kami juga tidak menerima sebarang aduan berhubung harga ayam itu melebihi harga

kawalan ditetapkan selain tiada gangguan bekalan ayam standard,” katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini.

“Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan seperti menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum dan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal akan dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

“Sejak pelaksanaan SHMKM bermula 1 sehingga 29 Januari lepas, KPDNHEP Negeri Sembilan telah membuka sebanyak 26 kes di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

“Ia melibatkan jumlah kompaun sebanyak RM2,600 bagi kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal di bawah skim ini,” katanya.

Senarai Harga Barang Keperluan							
• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM12.45	• Cula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM9.89
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99	• Ikan Kembung	RM13.99	• Bawang Besar Holland	RM2.50	• Kubis Bulat Tempatan	RM2.79
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.38	• Bawang Putih	RM4.88	• Tepung Gandum	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP